OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

Objektif umum latihan industri ialah untuk:

1. mendedahkan pelajar kepada persekitaran dan suasana kerja yang sebenar,
2. mempraktikkan teori yang dipelajari di universiti di dalam membuat dan menyelesaikan masalah dunia sebenar yang berkaitan dengan bidang pengkhususan masing-masing,
3. memberi pendedahan terhadap pengetahuan dan perkembangan teknologi terkini yang diguna pakai di dalam industri,
4. memupuk dan merapatkan jaringan serta jalinan kerjasama antara pihak universiti dan industri.

Objektif khusus latihan industri ialah memberi peluang kepada pelajar untuk:

1. memahami dan memupuk sikap bertanggungjawab di alam pekerjaan yang sebenar,
2. mendapat pengalaman industri yang sesuai dengan bidang pengkhususan masing-masing,
3. menghayati nilai etika profesional,
4. mengasah kemahiran insaniah yang bersesuaian dengan persekitaran pekerjaan,
5. meningkatkan kemahiran berkomunikasi,
6. menilai kebolehan kerjaya, pengetahuan dan keyakinan diri pelajar,
7. mempertingkatkan kebolehpasaran pelajar supaya lebih berdaya saing,
8. menyemai, memupuk dan seterusnya membangun ciri-ciri keusahawanan melalui pendedahan kepada realiti dan peluang kerjaya,
9. menjalin hubungan profesional di dalam industri,
10. menerap dan melatih kebolehan menulis laporan yang baik.

SKOP LATIHAN INDUSTRI

Persetujuan antara pihak universiti dengan hos organisasi (organisasi yang menerima pelajar untuk latihan industri) adalah perlu untuk menentukan tugas spesifik pelajar yang menjalani latihan industri yang berkaitan. Skop tugas harus memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta mendapat pendedahan amalan kerja dalam bidang pengkhususan masing-masing.